



## CINTA SEMPURNA

Salam ukhuwwah buat mahasiswa/wi sekalian, Insya-ALLAH, untuk edisi buah solehah kali ini, kami memilih tema "ukhuwwah" sebagai topik perkongsian dengan harapan semoga dengan rahmat dan kasih sayang Allah s.w.t, tulisan ini mampu memberi manfaat kepada kita semua.

"Dan orang-orang yang telah menempati Kota Madinah dan beriman (Ansar) sebelum (kedatangan) mereka (Muhajirin), mereka mencintai orang-orang berhijrah ke tempat mereka. Dan mereka tiada menaruh keinginan dalam hati mereka terhadap apa-apa yang diberikan kepada mereka (Orang-orang Muhajirin); dan mereka mengutamakan (Orang-orang Muhajirin), atas diri mereka sendiri. Sekalipun mereka memerlukan (apa yang mereka berikan itu). Dan siapa yang dipelihara dirinya dari kekikiran dirinya, mereka itulah orang-orang yang beruntung." (al-Hasyr: 9)

Dari Abi Hamzah Anas bin Malik Radiyallahu 'anh khadam Rasulullah s.a.w dari Nabi s.a.w, sabdanya:

"Tidak beriman seseorang kamu hingga dia mencintai untuk saudaranya apa yang ia cintai untuk dirinya"  
(Diriwayatkan oleh Bukhari dan Muslim)

Sahabat-sahabat, cukuplah khabar dari al-Quran dan al-Hadis di atas menjadi motivasi kepada kita semua untuk menjalinkan hubungan persaudaraan (ukhuwwah) dalam konteks yang sebenar-benarnya sebagaimana dituntut dalam Islam. Persoalan yang ingin diutarakan di sini, bagaimanakah konsep yang sepatutnya kita faham dan amalkan dalam proses kita berukhuwwah? Adakah selama ini konsep yang kita amalkan tidak betul? Sama-sama koreksi kefahaman diri.

Secara dasarnya, harus difahami bahawa konsep asas dalam pembinaan ukhuwwah Islamiyyah adalah menyintai sahabat dengan mengutamakan Allah dan mengajak sahabat agar mengutamakan

Allah dalam menyintai kita. Pendek kata, saling menyintai kerana menyintai Allah. Biarpun jasad berbeza namun hati tetap sama kerana ia terpaut menjadi satu. Maka, cintailah sahabat kerana Allah. Sesungguhnya, ikhlas bersahabat dan menagih redhanya itulah matlamat dan manifestasi berukhuwwah.

Sekadar mengulas kenyataan dari seorang sahabat; "Sesungguhnya apabila seseorang berukhuwwah fillah (bersahabat kerana ALLAH), dia akan berkeinginan agar segala perasaan yang dia sedang rasa dapat dirasai oleh sahabatnya. Contoh yang mudah, apabila dia merasai nikmatnya qiamullail, dia akan turut mengajak sahabatnya sama ke arah itu" MasyaALLAH, sahabat-sahabat bagaimana dengan kita? Adakah kita hanya mendampingi sahabat di waktu ingin menagih pertolongan? Adakah kita hanya memberi sokongan apabila sahabat kita senang? Di manakah kita sewaktu sahabat kita memerlukan seseorang untuk meluahkan perasaan? Di manakah kita di saat sahabat kita terleka dan memerlukan seseorang untuk menyedarkannya? Sama-sama bermuhasabah.

Akhir kalam, moga-moga Allah mentautkan hati-hati kita keranaNYA. Jom, sama2 jadikan fatrah imtihan ini sebagai medium mengeratkan lagi ikatan persahabatan sesama kita **kerana persaudaraan merupakan satu sendi kekuatan Islam**. Moga dengan usaha kecil kita mengejutkan sahabat-sahabat kita yang terlajak tidur, mengingatkan sahabat-sahabat yang sedang terleka dan memberi semangat pada sahabat-sahabat yang lemah menjadi penyumbang pada kemenangan Islam dan seterusnya menjadi bukti dihadapan-NYA kelak yang kita pernah menyayangi sahabat kita kerana-NYA... Ameen. Wallahu'alam.

Disediakan Oleh : Lajnah Dakwah Dan Pembangunan Insan  
Badan Kebajikan Anak Wilayah Persekutuan Mesir Sesi 2010/2011